

17/05/2002

Kerusi baru tidak sempat jika pilihan raya Jun

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang baru mungkin tidak sempat untuk diguna pakai jika pilihan raya umum akan datang diadakan sebelum Jun tahun depan.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman berkata, ini kerana kerusi tambahan yang diwujudkan berikutan persempadanan semula kawasan, hanya boleh siap sepenuhnya menjelang pertengahan tahun depan.

Ini bermakna, kata beliau, kerusi baru itu tidak sempat untuk diguna pakai andaikan pilihan raya umum diadakan lebih awal atau sebelum Jun tahun depan.

"Kerja persempadanan semula kawasan sedang kita lakukan dan hanya akan dipamerkan Julai ini untuk siasatan serta beberapa proses biasa," katanya ketika dihubungi hari ini.

Abdul Rashid berkata, jumlah sebenar tambahan kerusi Parlimen dan DUN juga belum diketahui kerana kerja persempadanan semula itu sedang dilakukan.

Beliau menyifatkan laporan sebuah akhbar harian hari ini bahawa kira-kira 20 kerusi Parlimen akan diwujudkan untuk ditandingi pada pilihan raya umum ke-11 nanti, sebagai kurang tepat.

Katanya, kerusi Parlimen baru itu nanti cuma membabitkan Semenanjung dan Sabah kerana kerja persempadanan semula kawasan sekarang tidak membabitkan Sarawak.

Sarawak dikecualikan kerana sudah melakukannya tiga tahun lalu, berbanding di Semenanjung dan Sabah yang sudah lebih lapan tahun tidak membuat persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Pada pilihan raya umum 1999, BN mengekalkan majoriti lebih dua pertiga di Parlimen, undi yang diperlukan bagi meminda perlembagaan. Gabungan 14 parti itu memenangi 148 daripada 193 kerusi yang dipertandingkan. Tempoh kerajaan sekarang akan berakhir pada November 2004.

Abdul Rashid berkata, jika pilihan raya umum diadakan sebelum pertengahan tahun depan, sebanyak 194 kerusi akan dipertandingkan iaitu tambahan satu kerusi baru Putrajaya.

Sabtu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi bayangan kemungkinan pilihan raya umum akan datang diadakan lebih awal sambil memberi amaran kepada parti pembangkang bahawa Barisan Nasional (BN) akan mendapat majoriti kemenangan lebih besar.

Inilah bayangan paling kuat diberikan oleh Perdana Menteri mengenai pilihan raya itu. April lalu, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, beliau menyatakan tidak akan terburu-buru mengadakan pilihan raya umum lebih awal meskipun sokongan terhadap kerajaan BN kini terus meningkat.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula membayangkan kemungkinan pemilihan peringkat bahagian dan Majlis Tertinggi Umno tahun depan ditangguhkan sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum.

Mandat kerajaan sekarang akan tamat pada November 2004. Selain 194 kerusi Parlimen, kini ada 504 kerusi DUN.

(END)